

1. Kerajaan telah mengeluarkan larangan kepada semua pihak agar tidak melakukan _____ terbuka terutamanya ketika musim jerebu.

- ☐ A dibakar
- ☐ B terbakar
- ☐ C kebakaran
- ☐ D pembakaran

2. Setiap pengunjung perpustakaan itu diberi sekeping _____ buku sebagai cenderahati.

- ☐ A petanda
- ☐ B penanda
- ☐ C bertanda
- ☐ D menanda

3. Pegawai penyiasat itu mencuba untuk mendapatkan _____ daripada suspek terbabit.

- ☐ A penerang
- ☐ B menerangi
- ☐ C keterangan
- ☐ D penerangan

4. Semangatnya semakin tinggi apabila mendengar sorakan _____ yang memberikan sokongan padu kepadanya.

- ☐ A ditonton
- ☐ B tontonan
- ☐ C penonton
- ☐ D menonton

5. Adeera gemar berjoging di taman rekreasi atau bersenam di gimnasium pada hari _____.

- ☐ A lepasan
- ☐ B kelepasan
- ☐ C pelepasan
- ☐ D perlepasan

6. Wakil rakyat itu akan mengadakan _____ dengan penduduk kampung untuk membincangkan projek penanaman padi secara besar-besaran di kampung mereka.

- ☐ A perjumpaan
- ☐ B menjumpai
- ☐ C berjumpa
- ☐ D terjumpa

7. Puan Maziah memberikan _____ kepada anak-anaknya untuk menonton televisyen dan bermain permainan video pada setiap hujung minggu.

- ☐ A kelonggaran
- ☐ B pelonggaran
- ☐ C melonggarkan
- ☐ D memperlonggar

8. Orang ramai tidak dibenarkan menghampiri kawasan _____ itu kerana pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut.

☐ A menjadikan
☐ B dijadikan
☐ C kejadian
☐ D menjadi

9. Kita dapat memperoleh _____ daripada sesuatu peristiwa yang kita alami.

☐ A ajaran
☐ B pelajar
☐ C pengajar
☐ D pengajaran

10. _____ Muhammad Ali dalam arena tinju antarabangsa tidak dapat dipertikaikan lagi.

☐ A Termasyhur
☐ B Kemasyhuran
☐ C Pemasyhuran
☐ D Memasyhurkan

11. Bunyi ledakan yang begitu kuat beberapa kali _____ semasa kilang cat itu terbakar.

☐ A didengari
☐ B pendengar
☐ C kedengaran
☐ D pendengaran

12. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membuat _____ penting tentang kenaikan harga minyak petang ini.

☐ A keumuman
☐ B diumumkan
☐ C pengumuman
☐ D mengumumkan

13. Isu-isu seperti itu tidak mudah diselesaikan dan _____ tentang isu tersebut hendaklah diteruskan.

☐ A perdebatan
☐ B pendebatan
☐ C pendebat
☐ D berdebat

14. _____ anak pertama dalam keluarga Encik Wong telah membawa sinar kebahagiaan buat mereka sekeluarga.

☐ A Melahirkan
☐ B Dilahirkan
☐ C Kelahiran
☐ D Pelahiran



15. _____ mesin itu dapat mempercepat kerja-kerja menuai padi.

- ☐ A Berguna
- ☐ B Pengguna
- ☐ C Kegunaan
- ☐ D Penggunaan

16. Pelbagai insentif disediakan untuk meningkatkan _____ hasil padi para petani.

- ☐ A keluaran
- ☐ B terkeluar
- ☐ C pengeluar
- ☐ D pengeluaran

17. Kerajaan bercadang untuk mengurangkan _____ pekerja asing di negara ini.

- ☐ A pengambilan
- ☐ B pengambil
- ☐ C ambilkan
- ☐ D ambilan

18. Seminar tentang langkah-langkah _____ najis dadah akan diadakan di sekolah itu.

- ☐ A dicegah
- ☐ B pencegah
- ☐ C mencegah
- ☐ D pencegahan

19. Dakwaan terhadap _____ itu dibatalkan kerana tiada bukti yang kukuh.

- ☐ A menuduhkan
- ☐ B pertuduhan
- ☐ C menuduh
- ☐ D penuduh

20. Dalam _____, kedua-dua pihak perlu berhujah berdasarkan bukti-bukti yang kukuh.

- ☐ A bahasan
- ☐ B berbahas
- ☐ C pembahas
- ☐ D perbahasan